

D420

R B427 DEB
MAHATHIR-IKRAR

KUALA LUMPUR, 7 JUN (BERNAMA) -- MALAYSIA TERUS BERADA DALAM AMAN DAN DAMAI KERANA MEMILIH CARA PENTADBIRAN YANG SESUAI, DENGAN MENGAMALKAN SISTEM KERAJAAN DEMOKRASI BERPARLIMEN DAN RAJA BERPELEMBAGAAN, KATA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

BELIAU BERKATA SISTEM INI TELAH MEMBOLEHKAN KERAJAAN DAN RAKYAT BERBILANG KAUM HIDUP DENGAN PENUH PERPADUAN DAN PERSEFAHAMAN.

+BERPANDUKAN KEPADA PERLEMBAGAAN DAN RUKUNEGARA, PEMIMPIN DAN RAKYAT PULA BERTANGGUNGJAWAB MENANAMKAN PERASAAN HORMAT-MENGHORMATI ANTARA SATU SAMA LAIN,+ KATANYA DALAM UCAPAN TAHNIAH DAN IKRAR TAAT SETIA BAGI PIHAK KERAJAAN DAN RAKYAT PADA MAJLIS MENGADAP DAN ISTIADAT PENGURNIAN DARJAH KEBESARAN SEMPERA ULANGTAHUN HARI KEPUTERAAN YANG DI PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH DI ISTANA NEGARA DI SINI.

MENURUT PERDANA MENTERI, RAKYAT MALAYSIA YANG BERBILANG KAUM MERUPAKAN MASYARAKAT UNIK PADA KACA MATA DUNIA KERANA DAPAT HIDUP DENGAN KEHARMONIAN WALAUPUN MEMPUNYAI AGAMA, ADAT-RESAM DAN BUDAYA YANG BERLAINAN.

KERAJAAN, TEGAS DATUK SERI DR MAHATHIR, AKAN TERUS MENGEKALKAN SISTEM INI DAN AKAN MENENTANG SEBARANG PERCUBAAN UNTUK MEROSAKKANNYA. -- LAGI

1132MST 07 06 89

R B428 DEB
MAHATHIR-IKRAR 2 KUALA LUMPUR

+SUNGGUHPUN MASIH ADA KUMPULAN DARI LUAR DAN DALAM NEGERI YANG KONONNYA CUBA MEMPERJUANGKAN HAK ASASI KEMANUSIAN YANG CUBA CAMPURTANGAN DALAM URUSAN PENTADBIRAN NEGARA, KERAJAAN AKAN TETAP TEGUH DENGAN PENDIRIAN UNTUK MENGEKALKAN APA YANG KITA PERJUANGKAN,+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA TERDAPAT SEGELINTIR RAKYAT YANG CUBA MENGGUNAKAN INSTITUSI-INSTITUSI RAJA, MAHKAMAH DAN SISTEM KEHAKIMAN SERTA SISTEM PILIHAN RAYA UNTUK MENCAPAI CITA-CITA DAN MEMENUHI KEPENTINGAN SENDIRI.

+TETAPI PATEK PERCAYA DULI-DULI YANG MAHA MULIA RAJA-RAJA MEMANG TIDAK BERKENAN DENGAN TINDAK TANDUK INI DAN TIDAK MUDAH DIPERALATKAN.+

+KERAJAAN MEMENTINGKAN RAKYAT YANG MEMERLUKAN KEMAJUAN DAN BUKAN MEREKA YANG MEMENTINGKAN DIRI DAN PATEK PERCAYA DENGAN KEBIJAKSANAAN TUANKU MEMERINTAH NEGARA DAN SIMBOL KEDAULATAN DAN PERPADUAN, RAKYAT AKAN TERUS MENIKMATI HIDUP DENGAN BAHAGIA DAN SEJAHTERA,+ KATANYA.

MENGENAI EKONOMI NEGARA, PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN BERSYUKUR KERANA KEADAANNYA TERUS BERTAMBAH PULIH DAN TEGUH PADA AWAL TAHUN INI SELEPAS MENCATAT PERTUMBUHAN MENGGALAKKAN DUA TAHUN LEPAS. -- LAGI

1135MST 07 06 89

D422

U. B429 DEB
MAHATHIR-IKRAR 3 KUALA LUMPUR

KATANYA PERTUMBUHAN MENGGALAKKAN INI DIGAMBARKAN MELALUI PERTUMBUHAN KELUARAN DALAM NEGARA KASAR TAHUN 1988 YANG MENGATASI PENCAPAIAN PADA TAHUN-TAHUN LEPAS SEJAK 1979.

PERDANA MENTERI BERKATA IA JUGA DIGAMBARKAN MELALUI IMBANGAN BAYARAN NEGARA YANG SANGAT MEMUASKAN DAN PELABURAN SWASTA YANG MENINGKAT SEJAK DUA TAHUN LALU.

BELIAU YAKIN PERTUMBUHAN YANG DICAPAI SEJAK DUA TAHUN AKAN BERTERUSAN TAHUN INI DAN TAHUN-TAHUN AKAN DATANG BERASASKAN KEJAYAAN-KEJAYAAN PROGRAM YANG DISUSUN BAGI MENJADIKAN STRUKTUR EKONOMI NEGARA LEBIH BERUPAYA MENGHADAPI CABARAN PASARAN ANTARABANGSA PADA MASA DEPAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SALAH SATU PERUBAHAN STRUKTUR EKONOMI YANG DIRANCANG IALAH MENJADIKAN EKONOMI NEGARA KURANG BERSANDAR KEPADA EKSPORT BARANGAN KOMODITI DAN SEBALIKNYA MENGGALAKKAN PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBUATAN DAN PENGEKSPORTAN HASILNYA.

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA MALAYSIA TELAH DIIKTIRAF SEBAGAI SEBUAH NEGARA YANG DAPAT MEMBERI SUMBANGAN BERMAKNA KEPADA KEBAJIKAN ANTARABANGSA WALAUPUN SEBUAH NEGARA KECIL DI PETA DUNIA.

KATANYA MALAYSIA TELAH DIPILIH SEBAGAI PENERUSI PERSIDANGAN ANTARABANGSA MENGENAI PENYALAHGUNAAN DADAH, MENDUDUKI KERUSI MAJLIS KESELAMATAN BANGSA-BANGSA BERSATU DAN AKAN MENJADI TUAN RUMAH MESYUARAT KETUA-KETUA KERAJAAN KOMANWEL DAN SUKAN SEA TAHUN INI.

SEHUBUNGAN ITU, BELIAU BAGI PIHAK KERAJAAN DAN RAKYAT BERIKRAR AKAN TERUS MENUMPUKAN USAHA UNTUK MENYEMPURNAKAN TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB BAGI MENJAMIN KEMAKMURAN DAN KESELAMATAN RAKYAT DAN NEGARA INI. -- BERNAMA

1150MST 07 06 89